

Terma & Syarat Peraduan Projek Mimpi

1. Penganjur

1.1. Peraduan Projek Mimpi ("**Peraduan**") ini adalah anjuran Sirap Limau di bawah Rev Media Group ("**Penganjur**").

2. Kelayakan

2.1. Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dari semua peringkat umur dan latar belakang yang memiliki Kad Pengenalan Malaysia yang sah ("**Peserta yang Layak**").

2.2. Peserta yang tidak layak untuk menyertai peraduan ini: -

2.2.1. kakitangan dan ahli keluarga terdekat (anak, ibu bapa, adik beradik, termasuk pasangan) yang merupakan kakitangan Penganjur atau anak syarikatnya.

2.2.2. Rakan niaga, agensi dan ahli keluarga terdekatnya.

3. Tempoh Peraduan

3.1. Peraduan ini bermula pada 15 November 2023 dan berakhir pada 30 November jam 11:59 malam ("**Tempoh Peraduan**").

3.2. Sebarang penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.

3.3. Pihak Penganjur boleh mengikut budi bicara mutlakanya meminda Tempoh Peraduan pada bila-bila masa tanpa notis awal. Melainkan jika diubah sebaliknya oleh Penganjur, sebarang penyertaan dalam Peraduan ini adalah dibawah Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini yang akan kekal berkuat kuasa sepenuhnya pada setiap masa.

4. Cara-cara Penyertaan Peraduan

4.1. Untuk menyertai Peraduan ini, Peserta yang Layak harus mematuhi syarat-syarat berikut:-

Step 1:	Layari laman media sosial Facebook Sirap Limau.
Step 2:	Cari siaran media sosial Projek Mimpi yang disematkan.
Step 3:	Sertakan penyertaan anda dalam kotak komen.
Step 4:	Penyerta perlu menulis impian mereka dan bagaimana mereka mahu mencapainya. Sertakan foto atau ilustrasi bersama dengan penyertaan anda.

Step 6:	Pihak Penganjur akan menyenarai pendekkan 10 cerita terbaik.
Step 7:	<p>10 Peserta dengan cerita terbaik yang telah disenarai pendek oleh Pihak Penganjur dikehendaki untuk membuat dan mengkongsikan video pendek tentang impian mereka melalui platform media sosial Facebook, TikTok dan Instagram sebelum 11 Disember 2023.</p> <p>Video ini harus mengandungi pengenalan diri dan juga impian mereka. Selain itu, Peserta harus memastikan profil media sosial mereka ditetapkan kepada Awam dan menggunakan hashtag #ProjekMimpi.</p>
Step 9:	<p>Sirap Limau akan muat naik semula 10 video pendek ini di platform media sosial rasmi TikTok dan Instagramnya bagi tujuan pengundian.</p> <p>Jumlah 'likes' dan interaksi video-video pendek ini akan menentukan undian buat penyerta.</p> <p>Peserta digalakkan untuk mengkongsikan video penyertaan mereka kepada rakan-rakan dan keluarga untuk meningkatkan peluang kemenangan mereka.</p>

4.2. Setiap peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan dalam peraduan ini, walau bagaimanapun peserta hanya boleh dipilih sebagai pemenang hanya satu kali. Sebarang kemenangan berikutnya (jika diisytiharkan) akan terbatal secara automatik.

4.3. Kami berhak untuk membatalkan atau mengubah terma dan syarat pertandingan ini tanpa notis sekiranya berlaku malapetaka, perang, gangguan sivil atau ketenteraan, bencana alam, pelanggaran sebenar atau jangkakan mana-mana undang-undang atau peraturan yang berlaku atau mana-mana acara lain di luar kawalan kami. Jika ada sebarang perubahan pada pertandingan akan diberitahu secepat mungkin kepada peserta oleh pihak kami.

5. Pemilihan dan Pengumuman Pemenang Peraduan

5.1. Sirap Limau akan mengkongsikan 10 video pendek ini di platform media sosial TikTok dan Instagram. Jumlah 'likes' dan interaksi video-video pendek ini akan menentukan undian buat penyerta. Pihak Penganjur akan memilih pemenang bertuah berdasarkan undian pada video mereka. Pemenang akan ditentukan oleh penilaian 70% terhadap kesan

cerita/video mereka dan penilaian 30% berdasarkan metrik interaksi, mengira undian dalam bentuk 'likes' dan komen di video peserta.

- 5.2. Anda digalakkan untuk mengkongsikan video penyertaan anda kepada rakan-rakan dan keluarga untuk meningkatkan peluang kemenangan anda.
- 5.3. Pemenang akan diumumkan secara rasmi melalui siaran media sosial di semua platform media sosial Sirap Limau. Pemenang perlu membalas dengan butiran berikut dalam tempoh tujuh puluh dua (72) jam menggunakan akaun media sosial yang digunakan untuk video penyertaan:
 - 5.3.1. Nama Penuh mengikut NRIC;
 - 5.3.2. Nombor telefon; dan
 - 5.3.3. Alamat E-mel;
- 5.4. Setelah Pihak Penganjur menerima butiran lengkap perenggan 5.3 daripada Pemenang, Pihak Penganjur akan membuat pengaturan yang diperlukan untuk memajukan dan/atau menyerahkan Hadiah kepada Pemenang.
- 5.5. Pemenang terpilih akan memenangi RM 5,000 ("**Hadiah**") untuk membiayai impian mereka.
- 5.6. Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan Pemenang terpilih yang gagal mematuhi terma dan syarat.
- 5.7. Pihak Penganjur mempunyai budi bicara penuh dalam menentukan Hadiah untuk setiap pemenang.
- 5.8. Pihak Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlak untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan Hadiah alternatif yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.
- 5.9. Sekiranya Pemenang memilih untuk tidak menerima Hadiah, Hadiah tersebut akan dibatalkan dan Hadiah berikut akan diuruskan mengikut budi bicara mutlak Penganjur.

- 5.10. Semua Hadiah diterima sepenuhnya atas risiko Pemenang dan diberikan oleh Pihak Penganjur dan/atau penaja tanpa sebarang waranti dalam bentuk apa pun.
- 5.11. Pihak Penganjur mempunyai hak mutlak untuk membatalkan kelayakan mana-mana individu yang didapati melanggar proses kemasukan atau pengendalian Peraduan ini atau bertindak untuk melanggar atau berpotensi untuk melanggar Terma dan Syarat Peraduan ini.

6. Hak Penganjur

- 6.1. Pihak Penganjur berhak untuk menggunakan, menyiarkan atau memaparkan penyertaan peserta di dalam artikel SirapLimau dan laman media sosialnya.
- 6.2. Pihak Penganjur boleh menggunakan penyertaan Peserta termasuk tanpa had, rakaman video, gambar dan apa-apa kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan bagi tujuan Peraduan ini (secara kolektif "**Bahan-Bahan**"), dan nama Peserta, dan/atau rupa, untuk pengiklanan, publisiti dan Peraduan bagi mana-mana barangan atau perkhidmatan Pihak Penganjur, untuk masa yang tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media.
- 6.3. Semua Penyertaan akan menjadi hak milik Pihak Penganjur dan Peserta tidak akan menuntut, menggunakan, atau mengeksploitasi Penyertaan untuk sebarang tujuan dengan sebarang cara apa pun pada bila-bila masa.
- 6.4. Dengan menyerahkan penyertaan kepada Peraduan ini, Peserta dianggap telah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat peraduan ini.
- 6.5. Pihak Penganjur berhak untuk menukar Terma dan Syarat mengikut budi bicara mutlakinya, tanpa notis awal, dan tanpa sebarang liabiliti kepada mana-mana orang, pada bila-bila masa termasuk menukar Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya.
- 6.6. Sekiranya berlaku sebarang perubahan pada Terma dan Syarat ini, Peserta bersetuju bahawa penyertaan mereka dalam Peraduan secara

berterusan ini akan membentuk penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (seperti yang diubah).

- 6.7. Keputusan Pihak Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan ini termasuk penilaian dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif ke atas semua Peserta, apa-apa rayuan yang diterima oleh Pihak Penganjur tidak akan diterima atau dibalas.

7. Liabiliti dan Tanggungjawab

- 7.1. Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk tanpa had, telekomunikasi, rangkaian, Perkhidmatan Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain dan perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh Peserta semasa atau berkaitan dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 7.2. Dengan menyertai Peraduan ini, semua Peserta bersetuju untuk mempertahankan, menanggung rugi dan memegang lepas pihak Penganjur daripada dan terhadap sebarang saman, tuntutan, kerugian, kerosakan dan perbelanjaan, termasuk yuran guaman yang munasabah yang mungkin timbul daripada atau berkaitan dengan Peraduan ini.
- 7.3. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang ralat, peninggalan, gangguan, pemadaman, kesilapan, kelewatan dalam operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, akses tanpa kebenaran atau perubahan sebarang masalah atau kerosakan teknikal mana-mana rangkaian telefon atau talian, sistem dalam talian komputer, server atau pembekal, peralatan komputer, perisian, kegagalan e-mel atau pemain disebabkan masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet dan/atau laman web.
- 7.4. Pihak Penganjur, rakan kongsinya, dan penaja (jika ada) tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya pemberitahuan pemenang tidak diterima atau lewat disampaikan kepada Pemenang.
- 7.5. Pihak Penganjur tidak membuat sebarang jaminan atau representasi berkenaan dengan Hadiah dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap sebarang masalah dan/atau kerosakan padanya.

8. Intellectual Property Rights

- 8.1. Peserta bersetuju bahawa semua hak harta intelek dalam mana-mana kandungan dan/atau bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berkaitan dengan Peraduan ini dan apa-apa karya terbitan yang timbul daripadanya akan sentiasa dan tanpa syarat diserahkan kepada dan dimiliki oleh Pihak Penganjur. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menggunakan dan mengubah suai bahan atau karya tersebut dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan semua hak yang mungkin dia ada dalam bahan atau karya tersebut.

- 8.2. Di samping itu, Peserta dengan ini bersetuju untuk mengetepikan semua haknya di bawah Akta Hak Cipta Malaysia 1987 dan sebarang pindaan atau enakmen semula (“Undang-undang Hak Cipta”) dan di bawah semua undang-undang yang serupa di mana-mana sahaja di dunia yang mungkin mewujudkan hak tersebut disebabkan penyertaan dalam Peraduan ini untuk membolehkan Penganjur atau Rakan Kongsi (jika ada) untuk memanfaatkan sepenuhnya Peraduan tanpa sebarang sekatan.